

# Banjir terburuk di Chukai

**KEMAMAN-** Limpahan air di Kemaman khususnya sekitar bandar Chukai dilaporkan mengatasi rekod banjir besar di daerah itu pada tahun 1971 dan tahun lalu.

Jurutera daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kemaman, Abdul Razak Ahmad berkata rekod hujan tertinggi melebihi 1,161 milimeter (mm) di Stesen Hujan Jabor dan 1,029mm di Stesen Hujan Padang Kubu.

Katanya, Stesen Hujan Air Putih turut mencatatkan jumlah tinggi bagi tempoh berkenaan iaitu 712mm.

“Rekod taburan hujan tertinggi di Stesen Hujan Jabor itu menghampiri separuh daripada purata taburan hujan seluruh negeri Terengganu iaitu antara 3,000-3,500mm bagi tempoh setahun. Jumlah kuantiti air bagi tempoh tersebut agak luar biasa berbanding 500mm sahaja di Stesen Air Putih iaitu catatan taburan hujan tertinggi dari 24 hingga 27 Disember 2012 ketika terjadinya banjir tahun lalu,” katanya selepas menghadiri mesyuarat pe-

nyelaras bantuan banjir Kemaman, semalam.

Mesyuarat itu dipengerusikan Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said. Turut hadir Menteri Komunikasi dan Multimedia yang juga Anggota Parlimen Kemaman, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Abdul Razak berkata, faktor semula jadi adalah punca curahan hujan lebat luar biasa di Kemaman selama tiga hari bermula 2 hingga 5 Disember lalu.

Kesemua aliran air hujan memasuki tiga sungai utama di daerah ini iaitu sungai Jabor, sungai Tebak dan sungai Air Putih sebelum bertemu dan masuk ke sungai Kemaman di bahagian hulu dan mengalir ke kuala di mana terletaknya bandar Chukai.

Katanya, limpahan luar biasa turut mengakibatkan beberapa kawasan berpenduduk yang sebelum ini tidak pernah ditenggelami secara kritikal seperti Paya Berenjut dan Mak Lagam menerima kesannya. - Bernama